



MOTAC 360°

EDISI 1: 19 - 31 OGOS 2024

MALAYSIA DAN REPUBLIK INDIA MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) KERJASAMA DALAM BIDANG PELANCONGAN, KEBUDAYAAN, SENI DAN WARISAN



MENARIK DI DALAM

MALAYSIA-SINGAPORE CULTURAL EXECUTIVE EXCHANGE
(CEE 2024) 4

MERDEKA@MOTAC 6

SABAH TOURISM BAZAAR 6

KOMUNITI-SOSIO-BUDAYA ASEAN (SOCA 2024)
..... 8

LAWATAN KE RADUANMAN STUDIO, SHAH ALAM
..... 9

HARI KEBANGSAAN 2024 "MALAYSIA MADANI JIWA
MERDEKA 11



MALAYSIA DAN REPUBLIK INDIA MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) KERJASAMA DALAM BIDANG PELANCONGAN DAN PROGRAM PERSEFAHAMAN DALAM BIDANG KEBUDAYAAN, SENI DAN WARISAN



PUTRAJAYA, 20 OGOS 2024 -

YB Dato Sri Tiong King Sing, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya dan TYT Shri Gajendra Singh Shekhawat, Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Republik India telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Kerjasama dalam Bidang Pelancongan serta Program Persefahaman dalam Bidang Kebudayaan, Seni dan Warisan sempena lawatan rasmi YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia ke Republik India pada 19 hingga 21 Ogos 2024. Pertukaran kedua-dua MoU ini telah diadakan dalam Majlis Pertukaran Memorandum Persefahaman yang disaksikan oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia dan TYT Shri Narendra Modi, Perdana Menteri Republik India. Majlis yang berlangsung di New Delhi ini menandakan satu langkah penting dalam usaha kedua-kedua negara untuk terus memperkukuh hubungan diplomatik serta kerjasama strategik dalam bidang kebudayaan dan pelancongan.

Pemeteraian Perjanjian Kebudayaan ini berupaya mempertingkatkan kerjasama dalam bidang kebudayaan melalui pelaksanaan pertukaran kepakaran selain sinergi dalam bidang latihan, penyelidikan dan persembahan kebudayaan ke arah pembangunan produk dan perkhidmatan industri seni, budaya serta warisan negara. Pemeteraian MoU dalam bidang pelancongan pula akan mengukuhkan lagi kerjasama antara Malaysia dan India dalam penggalakan, promosi dan pemasaran pelancongan, peningkatan pelancongan perniagaan (MICE) serta pembangunan pelancongan berteraskan komuniti, ekopelancongan dan *responsible tourism*.

“Majlis yang berlangsung di New Delhi ini menandakan satu langkah penting dalam usaha kedua-kedua negara untuk terus memperkukuh hubungan diplomatik serta kerjasama strategik dalam bidang kebudayaan dan pelancongan”.

MAJLIS PELUNCURAN PuTERA35 DI PICC



19 OGOS 2024 - YB Dato Sri Tiong King Sing, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya telah menghadiri Majlis Peluncuran Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PuTERA35) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). PuTERA35 diluncurkan pada 19 Ogos 2024 oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim dan beliau menzahirkan komitmen kerajaan untuk mengangkat darjat dan martabat Bumiputera agar sejajar dengan Agenda Pembangunan Mampan 2030 (Agenda 2030) yang akan membolehkan rakyat Malaysia menikmati kehidupan lebih berkualiti. Turut hadir, YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri, YB Tuan Mohd Rafizi bin Ramli, Menteri Ekonomi, YBhg. Dato' Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara dan barisan Jemaah Menteri.



MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MENGHADIRI SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN 2024

31 OGOS 2024 - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Raja Zarith Sofia telah berkenan berangkat ke acara Sambutan Hari Kebangsaan 2024. YB Dato Sri Tiong King Sing, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya bersama YBhg. Dato' Roslan Tan Sri Abdul Rahman, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah turut sama menyaksikan acara Sambutan Hari Kebangsaan 2024 di Dataran Putrajaya, Wilayah Persekutuan Putrajaya. Sambutan Hari Kebangsaan 2024 ini juga turut dihadiri oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri dan Barisan Menteri Kabinet. Acara sambutan pada tahun ini disambut meriah yang melibatkan perararakan dan perbarisan dari pelbagai jabatan, agensi dan institusi awam serta swasta.

Bertemakan "Malaysia MADANI Jiwa Merdeka" Hari Kebangsaan 2024 akan seterusnya membawa kesinambungan kepada Sambutan Hari Malaysia 2024 yang akan disambut di Kota Kinabalu, Sabah pada 16 September 2024.



MAJLIS AMANAT PERDANA HARI KEBANGSAAN 2024



30 OGOS 2024 - YBhg. Datuk Wira Roslan Tan Sri Abdul Rahman, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah menghadiri Majlis Amanat Perdana Hari Kebangsaan 2024 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Amanat oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia, adalah bersempena Hari Kebangsaan 2024 yang akan diraikan oleh semua rakyat Malaysia pada 31 Ogos 2024 di Dataran Putrajaya.


Turut hadir, YB Dato' Johari bin Abdul, Yang Di-Pertua Dewan Rakyat, YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan, YBhg. Datuk Seri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara dan Barisan Jemaah Menteri.

MyCEB UNITES BUSINESS EVENTS, TECHNOLOGY AND SUSTAINABILITY AT MALAYSIA BUSINESS EVENTS WEEK 2024



20 August 2024 - The nation's business events industry surged with energy as the Malaysia Business Events Week 2024 (MBEW2024) was officially launched today. Organized annually by the Malaysia Convention & Exhibition Bureau (MyCEB), MBEW2024 was successfully inaugurated by Dr. Yasmeen binti Yasim, Deputy Secretary-General (Tourism) of the Ministry of Tourism, Arts and Culture Malaysia (MOTAC). A highlight of MBEW 2024 was the signing of a Memorandum of Cooperation (MoC) between MyCEB and Centex Commercial Services (CCS).

This strategic partnership reflects a mutual commitment to advancing Malaysia's business events industry. The collaboration aims to create stronger synergies between the two organizations, driving industry growth and positioning Malaysia as a leading destination for business events. Taking place in the dynamic city of Kuala Lumpur at the esteemed Kuala Lumpur Convention Centre, MBEW2024 is themed "Business Events and Technology with Sustainability" (BEATS).





SESI DIALOG PENGGIAT SENI VISUAL



19 OGOS 2024 - YB Tuan Khairul Firdaus Akbar Khan, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya telah menghadiri Sesi Dialog Penggiat Seni Visual bertempat di Balai Seni Negara. Dalam ucapan beliau menyatakan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) menyediakan inisiatif untuk membantu penggiat industri melalui Geran Padanan Pelancongan, Seni dan Budaya (GPPSB). Selain itu, Balai Seni Negara juga menyediakan bantuan kewangan iaitu Geran Sokongan Sektor Kebudayaan 2024 (GSSK 2024). MOTAC juga dalam persediaan mewujudkan Tabung Seni Negara menjelang tahun hadapan bagi memperkasakan dan menyokong industri seni tempatan.

Bagi merencanakan lagi Ekosistem Seni Negara, MOTAC melalui Balai Seni Negara turut merancang menganjurkan ArtKL pada tahun 2025 untuk mengiktiraf seni visual tempatan. Turut hadir bersama, YBrs. Encik Shaik Rizal Sulaiman, Pengerusi Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara, YBrs. Encik Amerrudin Ahmad, Ketua Pengarah Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara dan penggiat seni.

KUNJUNGAN HORMAT KETUA SETIAUSAHA MOTAC KE ATAS KETUA SETIAUSAHA NEGARA



26 OGOS 2024 - YBhg. Datuk Wira Roslan Tan Sri Abdul Rahman, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah mengadakan kunjungan hormat ke atas YBhg. Datuk Seri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara. Semasa sesi kunjungan hormat berkenaan, YBhg. Datuk Seri KSN dan YBhg. Dato' KSU telah membincangkan penambahbaikan rasionalisasi pejabat perwakilan seperti yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam ke-19 Tahun 2024 pada 16 Ogos yang lalu.

Selain itu, YBhg. Datuk Wira KSU turut memaklumkan berkenaan hala tuju dan perancangan MOTAC serta jabatan dan agensi di bawah kepimpinan YB Dato Sri Tiong King Sing, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya terutamanya mengenai kesiapsiagaan kempen Tahun Melawat Malaysia 2026 (VM2026).

DELEGASI MALAYSIA KE SINGAPURA SEMPENA PROGRAM MALAYSIA-SINGAPORE CULTURAL EXECUTIVE EXCHANGE (CEE) 2024



19 OGOS 2024 - YBhg. Dato' Mohd Yusri bin Mohd Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah mengetuai delegasi Malaysia ke Program *Malaysia-Singapore Cultural Executive Exchange (CEE) 2024* pada 15 hingga 16 Ogos 2024 di Singapura. Delegasi ini terdiri daripada Ketua-ketua Jabatan dan pegawai kanan dalam sektor kebudayaan MOTAC. Program Malaysia-Singapura CEE 2024 merupakan salah satu inisiatif strategik Kementerian bagi memperkukuhkan pengurusan sektor kebudayaan MOTAC agar terus unggul dan relevan di masa hadapan.

Sepanjang program ini, delegasi Malaysia berpeluang mempelajari amalan terbaik dalam pembangunan industri seni budaya, serta meneroka idea baharu melalui sesi perbincangan dan lawatan bersama Kementerian Kebudayaan, Komuniti dan Belia (MCCY) Singapura serta jabatan dan agensi di bawahnya. Turut dibincangkan semasa kunjungan hormat ke atas Setiausaha Tetap MCCY ialah program sempena sambutan hubungan diplomatik Malaysia-Singapura Ke-60 pada tahun 2025 termasuk persediaan *Triennial Cultural Showcase (TCS) 2025*.



MESYUARAT NATIONAL SPA COUNCIL DI MOTAC

20 OGOS 2024 - Mesyuarat memfokuskan beberapa perkara seperti cadangan memberikan insentif cukai kepada pengusaha yang menerima penarafan bintang daripada MOTAC yang menawarkan produk Urutan Malaysia, menambahbaik kriteria penggredan hotel dengan mengambil kira elemen penawaran produk Urutan Malaysia dan meneroka kerjasama dengan Kementerian Pendidikan Tinggi, Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Kemajuan Orang Asli dalam mendapatkan spa therapist bagi mengelakkan kebergantungan terhadap pekerja asing.



Dalam masa yang sama, mesyuarat turut mengenal pasti peruntukan untuk dipertimbangkan dalam pindaan Akta Industri Pelancongan (AIP) agar sektor spa lebih diiktiraf sebagai produk pelancongan yang memberi nilai tambah untuk menarik high yield tourist ke arah menyemarakkan lagi industri pelancongan negara. Turut hadir, wakil Kementerian / Jabatan / Agensi Kerajaan yang berkaitan dan persatuan-persatuan spa yang berdaftar di bawah MOTAC iaitu Association of Malaysian Spas (AMSPA), Malaysian Association of Wellness and Spa (MAWSPA) dan Malaysian Association of Wellness Trainer.



23 OGOS 2024 - YB Khairul Firdaus Akbar Khan, Timbalan Menteri Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan, menghadiri upacara bendera "Merdeka Ride 2024 Harley-Davidson" yang diadakan di Petaling Jaya, Selangor. Dalam ucapannya, Timbalan Menteri menekankan usaha YBhg. Dato Anand dan Encik Sanjay adalah penting kerana mereka akan mewakili Malaysia merentasi pelbagai negara. Dengan pengerusi ASEAN akan datang dan Melawat Malaysia 2026 (VM2026) semakin hampir, adalah penting untuk mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai destinasi pelancongan terkemuka, khususnya dalam ASEAN.

YB TIMBALAN MENTERI HADIR MAJLIS BENDERA "MERDEKA RIDE 2025 HARLEY-DAVIDSON"




The Merdeka Ride, kini dalam edisi kedua dengan Shadowfax, menggariskan peranan Malaysia dalam ASEAN dan mengukuhkan hubungan serantau. Perjalanan itu bukan sahaja memberikan cabaran fizikal tetapi juga merangkumi perpaduan dan pertukaran budaya dalam ASEAN. Turut hadir pada majlis tersebut ialah YB Senator Dato Sivaraj Chandran, Ahli Dewan Negara, YBhg. Dato' Anand, Presiden Shadowfax, dan Encik Juan Chow Wee, wakil dari Harley-Davidson.

KUNJUNGAN HORMAT TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (KEBUDAYAAN) MOTAC KE ATAS SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SABAH DAN AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI (N.09) TEMPASUK SABAH

29 OGOS 2024 - YBhg. Dato' Mohd Yusri bin Mohd Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah mengadakan kunjungan hormat ke atas YB Datuk Seri Panglima Sr. Haji Safar bin Untong, Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah dan YB Datuk Mohd Arsad bin Bistari, Ahli Dewan Undangan Negeri (N.09) Tempasuk, Sabah. Semasa sesi kunjungan hormat berkenaan, YBhg. Dato' TKSU (K) telah menyatakan hasrat MOTAC untuk bersama-sama dengan Kerajaan Negeri Sabah bagi mengadakan Tamu Besar Kota Belud pada 25 hingga 27 Oktober 2024.



Buat julung kalinya MOTAC akan berkolaborasi khususnya dengan komuniti Kota Belud untuk mengacarakan program ini yang merupakan acara tahunan yang disambut begitu meriah sekali. Sudah pasti program Tamu Besar Kota Belud ini akan dijadikan satu platform dalam mempromosikan pelancongan budaya di seluruh negara dan juga di peringkat antarabangsa.





YB TIMBALAN MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MENGHADIRI MAJLIS PERASMIAN SABAH TOURISM BAZAAR



24 OGOS 2024 - YB Tuan Khairul Firdaus Akbar Khan, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya telah menghadiri Sabah Durian Tourism Bazaar di The Durian Valley, Keningau. Bazaar ini merupakan anjuran Tourism Malaysia Sabah (TM) dengan kerjasama Lembaga Pelancongan Sabah (STB), MATTA Sabah Chapter dan Persatuan Pengusaha Durian dan Buah-buahan Tropika Sabah (MaSDa) yang berlangsung selama dua hari pada 24 dan 25 Ogos 2024. YB Timbalan Menteri dalam ucapannya berkata, inisiatif Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui agensinya TM ini bertujuan menambah kepelbagaian penawaran pakej pelancongan di dalam negara.

Dengan kerjasama baik antara pengendali pelancongan tempatan, pengusaha agro pelancongan dan pihak-pihak berkaitan, TM mampu memperkenalkan lebih banyak destinasi pelancongan yang berpotensi memberikan impak positif terhadap kegiatan ekonomi setempat menjelang Tahun Melawat Malaysia 2026 (VM2026). Turut hadir, YB Datuk James Ratib, Menteri Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat Sabah, YBrs. Encik Peter Jonu Moinjil, Pegawai Daerah Keningau dan YBrs. Encik Julinus Jeffrey Jimit, Ketua Pegawai Eksekutif STB.

PROGRAM MERDEKA@MOTAC

21 OGOS 2024 - Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah menganjurkan Program Merdeka@MOTAC yang dihadiri oleh YB Tuan Khairul Firdaus Akbar Khan, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya di MOTAC, Putrajaya. Program Merdeka@MOTAC yang dianjurkan pada 21 Ogos 2024 merupakan program menyemarakkan semangat patriotik dan memeriahkan Sambutan Bulan Kebangsaan sekaligus memupuk semangat perpaduan serta patriotisme dalam kalangan masyarakat khususnya warga MOTAC.

Program ini juga melibatkan pengisian acara seperti Senam Seni Merdeka, nyanyian lagu patriotik, pelepasan Konvoi Kembara Warisan Kemerdekaan MOTAC, lawatan ke pameran "Seni Warisan, Jiwa Merdeka" dengan pelbagai segmen pameran oleh Jabatan dan Agensi di bawah MOTAC seperti Ikonik Malaysia Merdeka oleh Kraftangan Malaysia, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) yang berkonsepkan 'Evolusi Warisan Seni Budaya', pameran interaktif permainan tradisional oleh Jabatan Warisan Negara (JWN) dan pameran seni visual dari Balai Seni Negara serta ASWARA.

Turut hadir, YBhg. Dato' Roslan Tan Sri Abdul Rahman, Ketua Setiausaha MOTAC, YBhg. Dato' Shaharuddin bin Abu Sohot, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) MOTAC serta Pengurusan Tertinggi MOTAC.





PENGURNAIAN DARJAH CEMERLANG SERI MELAKA (D.C.S.M) KE ATAS YBHG. DATUK WIRA KSU MOTAC

“Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada YBhg. Datuk Wira Roslan Tan Sri Abdul Rahman, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya atas pengurniaan DARJAH CEMERLANG SERI MELAKA (D.C.S.M) sempena Sambutan Hari Jadi ke-75 TYT Tun Seri Setia Dr. Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang di-Pertua Negeri Melaka.”

Sekitar Sesi Penilaian Pertandingan Jiwa Merdeka Antara Kementerian yang telah disertai oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC). Pertandingan Jiwa Merdeka Antara Kementerian merupakan program yang dijalankan bagi menyemarakkan lagi Bulan Kebangsaan 2024 sekaligus menyemai semangat patriotisme dan memupuk semangat patriotik.

SESI PENILAIAN PERTANDINGAN JIWA MERDEKA ANTARA KEMENTERIAN





YB TIMBALAN MENTERI MOTAC DAN MENTERI DI JPM (HEA) MENERIMA KUNJUNGAN HORMAT MENTERI HAJI DAN UMRAH ARAB SAUDI

26 OGOS 2024 - YB Tuan Khairul Firdaus Akbar Khan, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya bersama YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), telah menerima Kunjungan Hormat daripada TYT Dr. Tawfig Fawzan Muhammed Al-Rabiaj, Menteri Haji dan Umrah Arab Saudi di Kompleks Islam Putrajaya. Kunjungan hormat ini adalah bersempena lawatan kerja TYT Menteri Haji dan Umrah Arab Saudi ke Malaysia bagi membincangkan hubungan kerjasama antara Malaysia dan Arab Saudi, dengan fokus untuk menjadikan Malaysia sebagai hab transit umrah di rantau Asia.




YB Timbalan Menteri turut menyatakan hasrat untuk memperkukuhkan usahasama antara kedua-dua negara dalam usaha membangunkan dan mempromosikan Malaysia sebagai gerbang strategik dan destinasi pilihan sebagai hab transit sebelum meneruskan perjalanan umrah di Mekah, Arab Saudi.

26 OGOS 2024 - YBhg. Dato' Mohd Yusri bin Mohd Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah mewakili Kementerian semasa "ASEAN ASCC Ad Hoc Working Group's Interface with the Senior Officials Committee for the ASCC (SOCA)". SOCA Leader atau Pegawai Kanan kepada Majlis Komuniti Sosio-Budaya ASEAN berperanan untuk membuat keputusan peringkat dasar yang akan memberikan manfaat kepada pembangunan dan pelaksanaan Pelan Strategik ASCC Pasca-2025. Sesi konsultasi bersama *SOCA Leaders* ini diadakan bagi mendapat maklum balas dan pandangan mengenai *trend global pasca-2025*, memperluaskan kerjasama serantau ASEAN serta cadangan untuk memperkukuh dan memantau Pelan Strategik ASCC Pasca-2025.

Antara isu serta syor yang telah diketengahkan oleh YBhg. Dato' TKSU (K) dalam Kenyataan Malaysia adalah seperti berikut:

- Bagi memastikan masa hadapan ASEAN yang berkembang pesat, pertumbuhan inklusif dan kesaksamaan sosial harus diberikan perhatian. Justeru, tonggak Komuniti Sosio-Budaya ASEAN (ASCC) perlu diberikan mandat yang jelas untuk memastikan kelancaran pelaksanaan inisiatif berimpak tinggi yang akan meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat ASEAN.
- Mekanisme pelaksanaan inisiatif ASEAN boleh diperkasa dengan kerjasama badan atau kumpulan kerja yang memantau isu-isu rentas tonggak dan rentas sektor mengambil kira pertumbuhan pesat dan cabaran *megatrend* baharu.
- Sistem pemantauan dan penilaian bagi Pelan Strategik yang berkesan boleh diperbaiki dengan penggunaan data serta penglibatan pihak berkepentingan melalui aplikasi ASEAN *Socio-Cultural Community Database for Monitoring and Evaluation (ADME)*.
- Bagi memastikan ASCC kekal relevan pada masa akan datang, ASCC perlu mengambil langkah yang lebih terbuka dan berani.

MESYUARAT KUMPULAN KERJA ASCC BERSAMA PEGAWAI KANAN KOMUNITI-SOSIO-BUDAYA ASEAN (SOCA)





LAWATAN KE RADUANMAN STUDIO, SHAH ALAM




28 OGOS 2024 - YB Tuan Khairul Firdaus Akbar Khan, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya telah mengadakan lawatan ke Studio Raduanman, Shah Alam. Beliau dalam lawatan tersebut telah mengadakan kunjungan ke ruang seni dan melihat sendiri hasil karya seni pelukis negara, Encik Mohd Raduan Man. Encik Mohd Raduan Man yang berpengalaman lebih 20 tahun telah menceburi seni lukis bermula sejak dari bangku sekolah, merupakan pelukis yang menggunakan teknik ukiran di dalam lukisan yang setanding dengan karya seni lukis antarabangsa. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (LPSVN) komited mengangkat martabat seni negara selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

MOTAC juga dalam rancangan menubuhkan Tabung Seni Negara menjelang tahun hadapan bagi menyokong dan memperkasakan industri seni tempatan. Turut mengiringi ke sesi lawatan, YBrs. Encik Shaik Rizal Sulaiman, Pengerusi LPSVN, pegawai-pegawai MOTAC dan LPSVN.

TEATER MUZIKAL PUTERI HANG LI PO KEMBALI UNTUK RAIKAN 50 TAHUN HUBUNGAN DIPLOMATIK MALAYSIA-CHINA



28 OGOS 2024 - Istana Budaya (IB), sebuah agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah mempersembahkan Teater Muzikal Puteri Hang Li Po (TMPHLP) di Encore Melaka pada 3 hingga 6 Oktober 2024 bersempena Sambutan 50 Tahun Hubungan Diplomatik Malaysia-China. Pementasan yang dihidupkan semula selepas 20 tahun ini bakal menampilkan 32 gubahan muzik lebih segar yang akan dimainkan secara langsung oleh 49 pemuzik dari Orkestra Tradisional Malaysia, Orkestra Simfoni Kebangsaan dan pemuzik jemputan yang diketuai oleh Pengarah Muzik IB, Encik Mohd Yazid Zakaria. TMPHLP yang mengangkat tema cinta dan tanggungjawab telah dipilih bagi memperingati persahabatan antara Maharaja Cina dan Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15, di samping menyemarakkan lagi industri pelancongan dan budaya Malaysia.





SEKITAR SESI RAPTAI SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN 2024

29 OGOS 2024 - YBhg. Datuk Wira Roslan Tan Sri Abdul Rahman, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah turun padang bagi melihat persediaan Sambutan Hari Kebangsaan 2024 di Dataran Putrajaya. MOTAC sentiasa terlibat dengan penganjuran Hari Kebangsaan setiap tahun secara aktif melalui penglibatan jabatan dan agensi di bawahnya seperti Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) dan Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA).

YBhg. Datuk Wira KSU turut berkesempatan untuk bertemu dengan para peserta dan urusetia yang terlibat dengan persembahan sempena sambutan Hari Kebangsaan tahun ini diiringi oleh YBr. Encik Mohd Amran bin Mohd Haris, Ketua Pengarah JKKN. Orang ramai dijemput hadir bersama-sama menyemarak dan memeriahkan Sambutan Hari Kebangsaan 2024 yang akan bermula pada jam 7.00 pagi, 31 Ogos 2024 (Sabtu), bertempat di Dataran Putrajaya, Presint 3. "Malaysia MADANI Jiwa Merdeka"



PROGRAM KITA MERDEKA USANITA MALAYSIA MADANI #JIWA MERDEKA SEMPENA SAMBUTAN KEMERDEKAAN YANG KE-67



29 OGOS 2024 - YB Tuan Khairul Firdaus Akbar Khan, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya telah menghadiri Program Kita Merdeka Usanita Malaysia MADANI #Jiwa Merdeka sempena Sambutan Kemerdekaan Negara Ke-67 anjuran Usanita Sdn. Bhd. yang diadakan di Menara Kuala Lumpur. Program ini bertujuan untuk memupuk dan memperkukuhkan semangat patriotisme serta meningkatkan kesedaran cintakan negara dalam kalangan masyarakat Malaysia. Pelbagai pengisian seperti aktiviti mengibarkan Jalur Gemilang, persembahan artis tempatan, permainan tradisional dan juga kiosk-kiosk makanan tradisi telah diadakan sepanjang program ini yang melibatkan seluruh lapisan masyarakat termasuk tokoh-tokoh komuniti dan juga pelajar universiti awam.

Turut hadir semasa sesi tersebut ialah YB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, YBhg. Tan Sri Shahrizat Jalil dan YBhg. Datuk Adzliana Prof Dato' Sri Dr. Hasan selaku Ketua Pegawai Eksekutif Usanita Sdn.Bhd.





SEKITAR SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN 2024 “MALAYSIA MADANI JIWA MERDEKA”

31 OGOS 2024 - Acara tahunan Sambutan Hari Kebangsaan ini disambut meriah dan penuh gemilang dan merupakan acara yang amat dinanti-nantikan oleh seluruh rakyat Malaysia. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) telah terlibat secara langsung apabila diberikan peranan untuk menyelaras kesemua acara persembahan bagi Sambutan Hari Kebangsaan 2024 serta merupakan pembina Konsep Perarakan kontinjen perbarisan.

Bertemakan “Malaysia MADANI Jiwa Merdeka”, kemeriahan sambutan penuh warna-warni ini dihadiri pelbagai lapisan masyarakat tanpa mengira latar belakang, menunjukkan semangat perpaduan di kalangan masyarakat dan selaras dengan harapan Malaysia MADANI. Bulan Kebangsaan tahun 2024 ini akan ditutup dengan Acara Sambutan Hari Malaysia 2024 pada 16 September 2024 yang akan diadakan di Kota Kinabalu, Sabah.



“JIWA MERDEKA ADALAH TONGGAK KEKUATAN DAN KEFAHAMAN DARI AWAL KEMERDEKAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU DAN ASAS SEMANGAT PENUBUHAN MALAYSIA”.





JD.COM'S TOUR EXPLORING MALAYSIA IN SUPPORT TOWARDS VISIT MALAYSIA 2026

31 OGOS 2024 - The Ministry of Tourism, Arts and Culture (MOTAC), through its agency Tourism Malaysia, welcomed 200 incentive participants from China under the Beijing Jingdong Century Trading Co., Ltd. (JD.COM) to Malaysia, who will be touring around the country from 31st August to 5th September 2024.

JD.COM, a leading Chinese e-commerce platform, sends top-performing employees to explore Malaysia and visit Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, and Melaka. This visit aims to strengthen ties with China and highlight Malaysia's diverse tourism offerings.

MOTAC and its agencies are currently gearing up for the Visit Malaysia 2026 (VM2026) campaign, targeting 35.6 million international tourists that year.



PENYATAAN DASAR KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

“MEMACU SEKTOR PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN YANG BERDAYA SAING DAN LESTARI DEMI PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI NEGARA”



KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA,
NO. 2, MENARA 1, JALAN P5/6,
PRESINT 5, 62200 PUTRAJAYA

f @ X d v mymotac | www.motac.gov.my

